

TANGGUNGJAWAB IBU BAPA MENGAWAL PERGERAKAN ANAK-ANAK

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ
كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَمْالٌ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا^ط وَالْبَقِيَّةُ الصَّالِحَةُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ

ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا ﴿٤٦﴾

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Kadar kes jenayah membabitkan remaja berumur belasan tahun semakin membimbangkan kita. Kementerian Dalam Negeri dalam satu statistik jenayah melaporkan, pada tahun 2016 sahaja, seramai 691 orang remaja terbabit dalam kesalahan rogol. Lebih menakutkan kita lagi, sudah ada kes yang melibatkan pelaku berusia antara 7 hingga 10 tahun. Selain itu, remaja juga banyak terlibat dengan pelbagai perbuatan negatif dan masalah moral seperti bergaul bebas, merokok, menghidu gam, lari dari rumah, melahirkan anak luar nikah dan sebagainya.

Kita pernah digemparkan dengan kejadian kebakaran Maahad Tahfiz yang dipercayai dilakukan oleh beberapa orang remaja berusia antara 12 hingga 18 tahun. Perbuatan jenayah tersebut dilakukan pada tengah malam hingga awal pagi iaitu ketika setiap remaja sepatutnya berada di rumah masing-masing.

Mendidik anak-anak khususnya yang sudah mencapai usia remaja merupakan tugas dan tanggungjawab yang sangat mencabar bagi ibu bapa pada zaman moden ini. Tanpa didikan dan pengawasan yang betul, anak-

anak mudah terjebak dengan anasir negatif sama ada yang dibawa oleh rakan sebaya mahu pun media massa.

Sebab itulah, Islam amat menitik beratkan soal pendidikan anak-anak pada setiap peringkat umur. Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidzi:

مَا نَحَلَ وَالِدٌ وَلَدَهُ مِنْ نُحْلٍ أَفْضَلَ مِنْ أَدَبٍ حَسَنٍ

Yang bermaksud: *Tiada suatu pemberian seorang bapa kepada anaknya yang lebih utama daripada pendidikan yang baik.*

Abdullah Ibnu Umar Radiallahu Anhuma berkata:

أَدَّبِ ابْنَكَ ، فَإِنَّكَ مَسْئُولٌ عَنْ وَكَدِكَ ، مَاذَا أَدَّبْتَهُ ؟ وَمَاذَا عَلَّمْتَهُ ، وَإِنَّهُ
مَسْئُولٌ عَنْ بَرِّكَ وَطَوَاعِيَّتِهِ لَكَ

Yang bermaksud: *Didiklah anakmu kerana sesungguhnya kamu akan disoal atas anakmu, apakah yang kamu didik dan apakah yang kamu ajar kepada anakmu. Dan sesungguhnya anakmu juga akan disoal mengenai kebaikan dirimu kepadanya dan ketaatannya kepada dirimu.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Keadaan yang berlaku sejak akhir-akhir ini amat menyedihkan kita. Apabila anak-anak mencapai umur belasan tahun, segelintir ibu bapa langsung tidak ambil peduli perihal mereka. Alasan mereka... “anak-anak dah besar, pandai-pandai merekalah.”

Ada ibu bapa yang membiarkan anak-anaknya keluar malam tanpa alasan yang kukuh. Golongan ibu bapa seperti ini ibarat ibu bapa yang rela melihat anak-anaknya rosak. Antara pandangan ulamak mengesyorkan kepada ibu bapa, membimbing dan mendidik anak bukan hanya mengajar pengetahuan agama semata-mata, tetapi juga hendaklah membimbing mereka antaranya dengan mengajak anak-anak solat berjemaah khususnya pada waktu maghrib, Isyak dan subuh supaya dapat mengelakkan mereka daripada berkeliaran tanpa tujuan serta terjebak dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat.

Selain itu, Islam menganjurkan kepada ibu bapa supaya mengambil berat dan mengenali siapakah kawan anaknya. Ibu bapa tidak boleh membiarkan anak-anak mereka bergaul bebas dengan sesiapa sahaja yang dikehendakinya kerana dibimbangi mereka akan berkawan dengan orang yang mempengaruhi mereka melakukan kejahatan. Rasulullah Sallahualaihi wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam Ahmad

الْمَرْءُ عَلَى دِينِ خَلِيلِهِ فَلْيَنْظُرْ أَحَدُكُمْ مَنْ يُخَالِلُ

Yang bermaksud: *Seseorang itu terpengaruh dengan perangai kawannya, maka perhatikanlah salah seorang daripada kamu orang yang hendak di dampinginya.*

Ibu bapa juga hendaklah memastikan bahawa anak remajanya tidak hanya berkurung di dalam bilik akan membataskan komunikasinya dengan

ibu bapa. Ibu bapa yang bertanggungjawab perlu mempunyai rasa curiga tentang apakah yang dilakukan oleh anak-anak ketika bersendirian di dalam bilik. Kita perlu merasa bimbang dan berjaga-jaga kerana unsur negatif seperti seks, keganasan, budaya asing yang negatif dan hiburan melampau boleh meresap masuk dalam diri anak-anak melalui televisyen, komputer, internet, telefon dan sebagainya .

Dalam cara berpakaian anak-anak pula, ibu bapa juga perlu mengambil perhatian bersungguh-sungguh dan bersikap tegas lebih-lebih lagi terhadap anak-anak perempuan. Malangnya, ada sebahagian ibu bapa yang tidak ambil kisah langsung dengan cara berpakaian anak-anak mereka. Apabila anak keluar rumah dengan berpakaian seksi atau mencolok mata, dibiarkannya sahaja, tidak ditegur, tidak dilarang apatah lagi dimarahi. Kadangkala anak perempuan dibiarkan membonceng motosikal atau menonton wayang dengan teman lelaki. Ibu bapa diam seolah-olah memberi restu. Inilah antara punca penyakit sosial dalam kalangan remaja semakin parah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Sebagai mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama sentiasa memantau pegerakan anak-anak kita dari sejak kecil agar mereka hidup dengan cara hidup Islam yang sebenar.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا

لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

Yang bermaksud: *Dan juga mereka (yang diredai Allah itu ialah orang) yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri dan zuriat keturunan kami sebagai penyenang hati (kami), dan jadikanlah kami pemimpin ikutan bagi orang yang bertakwa.*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.